

Kajian Awal Terhadap Shaik Dada Pendekar Pulau Pinang

A Preliminary Study on Shaik Dada the Warrior of Penang

Nazmi Qayyum Hamdan¹, Muhammad Nasrullah Mohamad Azli^{2*}, Muhammad Zuhaili Syafiq Abdul Shukor¹

¹Persatuan Kajian Ilmu Silat Malaysia.

²Bahagian Falsafah & Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

*Corresponding author: nasrullahazli17@gmail.com

Received: 5 February 2025; Accepted: 8 April 2025

Abstrak

Pulau Pinang memiliki tokoh-tokoh bersejarah yang telah dikaji serta ditulis mengenai sumbangan mereka dalam bidang masing-masing. Antara tokoh Pulau Pinang yang masih belum diteroka secara akademik adalah mengenai Shaik Dada atau nama sebenarnya Gulam Meah (1906-1947). Beliau merupakan pengasas Silat Pelaga Pulau Pinang atau lebih dikenali sebagai Silat Petir dan Siku 12. Objektif artikel ini adalah untuk mengumpul sejarah Shaik Dada. Metodologi kajian dilakukan dengan cara temu bual mendalam, dokumen dan kajian lapangan (*spatial*). Data dianalisis secara perbincangan kumpulan berfokus. Hasil kajian dibahagikan kepada biografi umum, manuskrip, sejarah pertempuran, kematian dan pengiktirafan. Kajian mendapati bahawa Shaik Dada merupakan tokoh yang signifikan dalam sejarah persilatan di Tanah Melayu khususnya di Pulau Pinang. Dicadangkan agar kajian lanjutan dilakukan mengenai Shaik Dada, manuskripnya serta perkembangan silatnya.

Kata kunci: Shaik Dada, Silat Pelaga Pulau Pinang, Mamu Dada, Silat Petir, Siku 12

Abstract

Penang has historical figures whose contributions in their respective fields have been studied and documented. One of the figures from Penang that has yet to be explored academically is Shaik Dada, or his real name, Gulam Meah (1906-1947). He was the founder of Silat Pelaga Penang, also known as Silat Petir and Siku 12. The objective of this article is to gather the history of Shaik Dada. The research methodology involved in-depth interviews, documents, and field studies (spatial). The data was analysed through focus group discussions. The findings are divided into general biography, manuscripts, combat history, death, and recognition. The study found that Shaik Dada was a significant figure in the history of martial arts in Malaya, especially in Penang Island. It is recommended that further research be conducted on Shaik Dada, his manuscripts, and the development of his silat.

Keywords: Shaik Dada, Silat Pelaga Penang, Mr Dada, Silat Petir, Siku 12

Pengenalan

Pulau Pinang terkenal dengan kelahiran tokoh-tokoh yang berjasa dalam pelbagai bidang seperti keagamaan, kesenian, dan politik. Antara tokoh-tokoh terkenal termasuklah Syed Syeikh al-Hadi (1867-1934), Tuan Guru Abdullah Fahim (1869-1961), Yusof Rawa (1922-2000), P. Ramlee (1929-1973) dan ramai lagi. Namun begitu, salah seorang tokoh yang kurang dikenali dalam bidang persilatan di Pulau Pinang ialah Shaik Dada, atau nama sebenarnya Shaik Gulam Meah bin Shaik Ahmad Meah. Penulisan mengenai beliau amat terhad, kebanyakannya hanya dapat ditemui di laman sesawang atau melalui riwayat lisan. Malah, penerbitan rasmi mengenai beliau masih sukar dijumpai, apatah lagi kajian ilmiah yang diterbitkan dalam jurnal-jurnal akademik. Padahal, jasa beliau dalam membangunkan seni mempertahankan diri di Pulau Pinang, khususnya Silat Pelaga dan Silat Petir (yang kini dikenali sebagai Siku 12), telah diiktiraf apabila beliau dianugerahkan “Anugerah Pendekar Negeri Pulau Pinang” oleh Pertubuhan Seni Silat Lincak Malaysia pada tahun 2012 (Muhammad Amirul Naim Rosmi 2024). Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengumpulkan dan mendokumentasikan biografi Shaik Dada, yang merupakan pengasas Silat Petir atau Silat Pelaga Pulau Pinang.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan tiga kaedah pengumpulan data, iaitu: (a) Temu bual mendalam; (b) Penelitian dokumen; (c) Kajian spatial. Kaedah pertama, iaitu temu bual, melibatkan interaksi antara dua orang atau lebih untuk memandu perbincangan yang berfokus kepada konteks kajian dan untuk memahami perspektif informan dari kaca mata mereka sendiri (Aizan, Ezarina & Norulhuda 2021). Temu bual ini dijalankan untuk mendapatkan riwayat atau sejarah lisan mengenai Shaik Dada melalui perbualan dengan generasi kedua, iaitu individu dan orang perseorangan yang pernah bertemu dan mempelajari ilmu daripada anak-anak murid Shaik Dada. Hal ini demikian kerana anak murid generasi pertama, iaitu yang berguru secara terus dengan Shaik Dada, kesemuanya telah meninggal dunia. Seramai tujuh anak murid daripada generasi kedua yang sempat berguru dengan anak-anak murid Shaik Dada telah ditemu bual. Berikut adalah merupakan senarai informan yang terlibat:

Jadual 1: Senarai informan yang terdiri daripada anak-anak murid Shaik Dada

Bil.	Nama	Tarikh Temu Bual
1	Mohd Salleh	29 Oktober 2023
2	Abdul Wahab	31 Disember 2023
3	Abdullah	24 Februari 2024
4	Abdul Kader	12 Disember 2024
5	Muhamad Damshir	15 Oktober 2023
6	Akil	30 November 2023
7	Hasnizam	22 April 2025

Tiga informan pertama ialah anak kepada Yahya bin Salleh (Pak Ya Botak) yang pernah mempelajari Silat Pelaga, kecuali Mohd Salleh bin Yahya, satu-satunya informan yang tidak mempelajari silat tersebut, namun beliau banyak mengumpulkan riwayat lisan daripada generasi pertama dan kedua mengenai Shaik Dada. Informan keempat pula adalah murid kanan Pak Ya Botak yang paling tua, manakala informan kelima merupakan murid Pak Ya Botak yang terkemudian. Informan keenam ialah murid kepada Ahmad bin Osman (Pak Mad Emden). Informan ketujuh pula pernah berjumpa dengan Pak Mad Emden, tetapi mempelajari empat

aliran Silat Pelaga melalui generasi setelah murid Shaik Dada.

Kaedah kedua ialah penelitian dokumen, yang merujuk kepada kajian terhadap dokumen-dokumen yang berkaitan dengan Shaik Dada. Sumber-sumber dokumen yang digunakan termasuklah catatan, manuskrip dan lain-lain (Hazri & Mohammad 2015). Kaedah ketiga pula melibatkan dimensi spatial, iaitu kajian yang berkaitan dengan ruang, wilayah, dan tempat (Anggita 2022). Pendekatan ini dilaksanakan dengan melakukan lawatan ke lokasi-lokasi bersejarah yang berkaitan dengan Shaik Dada.

Setelah maklumat yang diperlukan dikumpulkan, perbincangan kumpulan berfokus diadakan untuk menganalisis data. Perbincangan kumpulan berfokus merupakan teknik yang melibatkan sekumpulan individu dikumpulkan untuk membincangkan sesuatu topik (O. Noyumba et al. 2018). Namun demikian, dalam kajian ini, perbincangan kumpulan berfokus dilakukan dalam kalangan para pengkaji sendiri tanpa melibatkan informan. Pendekatan ini penting untuk menilai maklumat yang mungkin kelihatan bertentangan atau tidak munasabah. Hal ini demikian kerana dalam dunia persilatan, setiap individu cenderung untuk membawa naratif mereka sendiri, yang mungkin menyebabkan perbezaan pendapat dalam mentafsirkan sesuatu perkara. Sekiranya mereka dikumpulkan bersama, ada kemungkinan pihak tertentu akan memilih untuk mendiamkan diri demi menjaga hati. Oleh sebab itu, dalam konteks kajian persilatan, adalah sangat penting untuk melakukan kajian secara berasingan.

Sorotan Karya

Kajian akademik formal mengenai Shaik Dada masih sangat terbatas. Meskipun demikian, beberapa usaha penulisan separa ilmiah telah dilakukan untuk mendokumentasikan tokoh persilatan Pulau Pinang ini. Salah satu inisiatif terawal tercatat melalui Mohd Salleh di platform dalam talian dadameahpendekarpp.blogspot.com. Sayangnya, kandungan blog tersebut menunjukkan kurangnya keteraturan dari segi tematik dan konsistensi ejaan. Menurut catatan Mohd Salleh, beliau telah memulakan proses merumikan sejumlah besar manuskrip peninggalan Shaik Dada, namun hasilnya belum diterbitkan secara meluas.

Selain itu, terdapat sebuah artikel dalam Buletin PEMENANG (Persatuan Melayu Pulau Pinang) bertajuk “Siku 12 Seni Bela Diri Anak Pulau Pinang,” yang diterbitkan pada tahun 2023 turut menyumbang kepada naratif mengenai Shaik Dada. Artikel ringkas sepanjang dua muka surat itu tidak mempunyai nama penulis dan perbincangan hanya memfokuskan mengenai biografi Shaik Dada serta ciri khas silatnya. Namun, perlu dinyatakan di sini bahawa beberapa informasi yang disajikan dalam artikel tersebut memerlukan penelitian lebih lanjut kerana terdapat beberapa fakta mengenai ciri khas silat Siku 12 telah dibincangkan secara kurang tepat. Kekhilafan yang berlaku dalam artikel tersebut akan dibahas dalam penulisan ini dengan lebih mendalam.


Muhammad Amirul Naim (26 Julai 2024) pernah menulis sebuah artikel sebanyak dua muka surat di tapak sesawang Penang Institute berjudul “Siku 12, Seni Bela Diri Warisan Tanjung.” Artikel ini tertumpu pada silat serta kisah pertempuran Shaik Dada. Sebenarnya artikel ini dihasilkan atas bantuan daripada kami serta sedikit rujukan daripada tapak sesawang Mohd Salleh.

Biografi Umum

Nama sebenar Shaik Dada ialah Shaik Gulam Meah bin Shaik Ahmad Meah bin Shaik Gulam Meah. Tidak diketahui apakah ejaan sebenar “Gulam Meah” kerana tiada catatan daripada Shaik Dada sendiri, tetapi ejaan ini diambil berdasarkan tulisan murid beliau iaitu Ishak Rahmansah @ Pak Sahak Kastam yang disertakan sekali bersama gambar Shaik Dada. Panggilan masyhur Gulam Meah ialah Mamu Dada atau Shaik Dada. Perkataan “Dada” adalah

daripada bahasa Urdu yang bermaksud “atuk” di sebelah bapa (Platts 1884). Tahun beliau lahir adalah kemungkinan pada tahun 1906 berdasarkan sijil kematian beliau yang meninggal dunia pada 1947 ketika berumur 41 tahun.

Gambar 1: Gambar Shaik Dada serta tulisan Ishak Rahmansah



Sumber: Koleksi penyelidik

Beliau lahir di lahir di Kampung Herriot, Kelawai, Pulau Pinang, hal ini adalah menurut anak jati Kelawai bernama Encik Salahudin Khan bin Biyazid Khan, cucu menakan kepada Shaik Dada. Bapa Shaik Dada iaitu Ahmad Meah merupakan orang yang terkenal dan kaya dengan kerjayanya sebagai arkitek. Memiliki tiga adik beradik lelaki bernama Shaik Abdul Latif, Shaik Natarsa, dan Shaik Gulam Meah sendiri. Dikatakan pekerjaan beliau dulu adalah sebagai juruukur. Shaik Dada berkahwin dengan Che Putih tetapi tiada zuriat. Disebabkan tiada zuriat, Gulam Meah mengambil anak angkat lelaki yang berketurunan Cina.

Anak muridnya tidak seramai mahaguru silat lain. Antara nama-nama muridnya yang dapat dikesan ialah; Pak Mad “Emden” (Ahmad bin Osman), Pak Hashim “Kerbau” (Hashim bin Yahaya), Ali SM Yusuf, Hamid Chukinik, Ameer Hamzah, Jaafar Rahmansah, Pak Lah “Sebok,” Pak Bidin “Odeon,” Pak Ya “Botak” (Yahya b. Salleh), Ibrahim “Body,” Pak Sahak “Kastam” (Ishak Rahmansah). Semua yang tersebut ini ialah guru Silat Pelaga generasi pertama dan kesemuanya telah meninggal dunia. Murid Shaik Dada yang mewariskan legasi permainannya dan masih didapati sehingga kini ialah Pak Mad Emden, Pak Hashim Kerbau, Pak Ya Botak dan Pak Sahak Kastam. Buletin PEMENANG (Jun 2023, 8) menyatakan nama Pak Mad Emden sebagai “Pak Mat Hamdan” atau “Pak Mat Hamden” yang sebenarnya sebuah kekeliruan. Ramai yang menyangka namanya ialah “Hamdan” sedangkan sebutan asalnya ialah Emden yang merujuk kepada kapal Jerman iaitu SMS Emden. Kapal tersebut pernah tiba di Pulau Pinang pada 28 November 1914 untuk melakukan serangan (Asilatul 2020, 68). Disebabkan Pak Mad Emden lahir pada tahun 1914 yang merupakan tahun tragedi kapal Emden, maka orang kampung memanggilnya Emden.


Manuskrip

Shaik Dada mengasaskan ilmu silat yang digelarnya dengan dua nama iaitu Silat Petir atau Silat Pelaga Pulau Pinang. Murid beliau iaitu Pak Hashim Kerbau pula menyebutnya sebagai

Silat Halilintar. Sebahagian murid Pak Ya Botak menyatakan bahawa nama Silat Petir bukanlah nama asli silat Shaik Dada sebaliknya ialah Silat Pelaga Pulau Pinang. Nama Silat Petir digunakan oleh Pak Ya Botak pada tahun 1976 dengan nama Seni Silat Petir Negeri Pulau Pinang untuk membezakan dengan cabang-cabang silat Shaik Dada yang lain. Lebih-lebih lagi pada muka hadapan manuskrip manual silibus silatnya bertulis *The King Art of Self-defences of Penang* yang mungkin boleh diterjemahkan sebagai Silat Pelaga Pulau Pinang.

Manakala nama “Siku 12” ialah nama yang dimasyhurkan oleh seseorang yang dikatakan murid Shaik Dada iaitu Pak Mad Emden (Ahmad bin Osman), dan bukannya nama yang diberikan oleh Shaik Dada. Buletin PEMENANG (Jun 2023) pula kerap kali menyebut silat Shaik Dada ini sebagai “Senaman Siku” dan “Silat Siku 12” tanpa menyebut nama asalnya yang mampu mengakibatkan kekeliruan pembaca.

Gambar 2: Muka hadapan manuskrip versi pertama



Sumber: Koleksi penyelidik

Silat Pelaga merupakan hasil daripada pengalaman mempelajari 17 jenis ilmu tempur. Antara seni bela diri asing yang dipelajarinya ialah Ju-jitsu orang Jepun dan *Boxing* orang Barat. Beliau telah mengkajinya selama 15 tahun dan menulis silibus silatnya dengan judul *The King Art of Self-defences of Penang*. Artikel majalah (PEMENANG) menyebutkan nama manuskrip itu sebagai *King of Fighter* yang jelas adalah sebuah kesilapan (Buletin Pemenang, Jun 2023, 8). Pada manuskrip ini selain daripada manual silat, juga terdapat manual perubatan tradisional, kata-kata hikmah beliau dan doa-doa. Silibusnya hanya ditulis pada sebuah buku *exercise book* dan terdapat dua versi manuskrip silibus beliau.

Manuskrip pertama yang dianggap ditulis lebih awal, telah diberikan kepada muridnya iaitu Ishak Rahmansah. Setelah Ishak Rahmansah (Pak Sahak Kastam) meninggal dunia, manuskrip tersebut diwarisi oleh murid beliau. Tetapi Ishak Rahmansah sempat memberikan salinan fotostat manuskrip tersebut kepada rakan seperguruannya iaitu Yahya bin Salleh (Pak Ya Botak). Manakala manuskrip kedua kemungkinan ditulis lebih terkemudian kerana susunannya lebih kemas. Manuskrip kedua diwariskan kepada anak angkat Shaik Dada, kemudian anak angkat tersebut mewariskannya kepada anaknya sendiri (atau boleh dianggap sebagai cucu angkat Shaik Dada). Kemudian cucu angkat tersebut memberikan manuskrip itu kepada keturunan Shaik Natarsa, kerana mereka lebih berhak dan memiliki pertalian darah.

Sehingga kini ketika artikel ini ditulis, manuskrip tersebut masih tidak dikaji secara formal.

Sejarah Pertempuran

Sebagai guru silat yang masyhur, sudah pasti Shaik Dada terlibat dalam pergaduhan. Terdapat empat riwayat kisah pertempuran beliau. Kisah pertama, terdapat seorang kaki *perocok* yang memberitahu kepada Shaik Dada bahawa ada seorang jaguh Boyan bernama Hasan “Sendo” yang tidak hairan dengan permainannya. *Perocok* ialah bahasa Pulau Pinang yang bermaksud orang yang suka melagakan dua pihak. Si perocok itu berkata lagi, jika Dada berani, sila turun. Kemudian si perocok itu pergi pula kepada Hasan Sendo dan menyebutkan bahawa Shaik Dada boleh kalahkan penumbuknya. Semua dakwaan fitnah si perocok itu hanyalah supaya mereka berdua bergaduh.

Shaik Dada dan Hasan Sendo pun bertemu di *Chinese Recreational Club* (CRC). Sedikit sejarah mengenai CRC, ia merupakan hasil gabungan *Penang Recreational Club* dan *Penang Cricket Club* pada tahun 1892 yang terletak di *Peel Avenue*, George Town (Han & Mohd Salleh 2018, 1339). Shaik Dada berkata, “*Lani aku nak rasa berapa kuat hang punya penumbuk, tak payah pencak-pencak apa.*” Hasan Sendo bagi penumbuk ke arah muka Shaik Dada sehingga patah satu dua gigi Shaik Dada. Tiba giliran Shaik Dada, beliau bagi sekali penumbuk sehingga Hasan Sendo pengsan. Setelah Hasan Sendo disedarkan, ayat pertama yang keluar daripada mulutnya, “*Ini jin ke orang?*”

Gambar 3: Padang di hadapan Chinese Recreational Club



Sumber: Koleksi penyelidik

Kisah kedua berkenaan Wahab “Minangkabau.” Semasa di kedai makan, dia menyindir, “*Ada orang nak tunjuk handal, tapi dia kata tak berani nak lawan!*” Kemudian Wahab Minangkabau baling nasi ke arah Shaik Dada. Setelah itu, Shaik Dada ajak dia berlawan dan menyuruhnya tumbuk. Wahab Minangkabau menumbuk berkali-kali, tetapi Shaik Dada hanya mengelak tanpa membalas apa-apa. Akhirnya Wahab Minangkabau jatuh kepenatan, kemudian Shaik Dada kata, “*Itulah lain kali jangan cakap besaq, ilmu pun tak seberapa, tumbuk pun tak sampai!*”

Kisah ketiga mengenai seorang pelacur yang melarikan diri daripada samseng yang menjaga rumah pelacuran iaitu Che Leh “Kudung.” Ketika itu rumah pelacuran berada di Jalan Perlis, tetapi orang Pulau Pinang menggelarnya sebagai Lorong Gaharu kerana orang Cina sering menjemur gaharu di situ pada masa dahulu. Apabila wanita itu terserempak dengan Shaik Dada yang sedang minum di kedai, dia meminta tolong Shaik Dada dan mengatakan Che

Leh Kudung hendak memukulnya. Setelah Che Leh Kudung sampai, dia mengatakan, “*Hang nak tunjuk handal? Kalau nak tunjuk handal mai kita lawan.*” Shaik Dada pun mengisyaratkan wanita itu untuk berlindung di belakangnya. Kejadian ini berlaku berdekatan perhentian bas sehinggakan ramai orang hendak melihat pertarungan itu termasuklah pemandu bas. Shaik Dada bagi buah sehingga menyebabkan Che Leh Kudung pengsan.

Keesokan harinya, Shaik Dada sedang menaiki beca yang ditunggang oleh seorang Cina. Tiba-tiba ada lapan orang tahan Shaik Dada yang dipercayai geng Che Leh Kudung. Shaik Dada pun menyuruh penunggang beca itu tunggu sebentar, kemudian Shaik Dada dalam masa yang sekejap menjatuhkan orang ramai itu dengan melakukan serangan secara memusingkan badan. Anak Che Leh Kudung iaitu Mat Che Leh yang berada dalam kejadian itu berasa risau, maka dia pergi ke rumah murid Shaik Dada iaitu Pak Hashim Kerbau dengan tujuan untuk berdamai. Tetapi sebaliknya yang berlaku, Pak Hashim Kerbau pukul Mat Che Leh pada waktu itu juga.

Gambar 4: Jalan Perlis @ Lorong Gaharu, Pulau Pinang



Sumber: Koleksi penyelidikan

Kisah keempat adalah diriwayatkan oleh Mohd Salleh daripada cucu Shaik Natarsa iaitu Salehuddin Khan. Seorang jaguh tomoi dari Kelantan datang ke Pulau Pinang dan telah mendengar khabar angin mengenai seorang jaguh yang bernama Shaik Dada. Jaguh tersebut mencabar Shaik Dada dengan mengajaknya ke suatu bangunan dan dihadiri oleh ramai orang. Jaguh itu berpantun di sebuah pentas yang berbaur sindiran terhadap Shaik Dada yang berada di bawah. Tanpa disedari, Shaik Dada lompat ke atas pentas kemudian menyerang jaguh tomoi tersebut dengan siku sehingga terjatuh. Kemudian Shaik Dada berkata, “*Silat ni siapa cepat dia dapat.*”

Terdapat dakwaan yang menyatakan Shaik Dada pernah kalah berlawan dengan seorang pendekar sehingga urat lengannya rosak dan tidak mampu menggunakan penumbuk dengan sempurna. Disebabkan itu beliau berlawan menggunakan siku, sehinggakan ada yang menisbakkannya sebagai “Tok Kudung” kerana permainan tangannya yang seakan tangan kudung. Kisah ini tidak dapat dipastikan kesahihannya, dan tidak diriwayatkan oleh murid kepada murid Shaik Dada. Sebagaimana yang disebutkan sebelum ini, silat Shaik Dada juga bermain tumbukan, sepakan, lutut dan kepala, bagaimanakah beliau boleh mengajarkan gerakan tersebut jika tangannya tidak berfungsi secara sempurna? Orang yang mendakwa nama “kudung” ini juga tidak mahu ditemu bual oleh kami.

Kematian

Terdapat seseorang yang ingin memberikan bangunan kepada Shaik Dada untuk kegiatan silatnya. Akan tetapi takdir telah termaktub, beliau dijemput ajal sebelum kegiatan rasminya dapat bermula. Kini bangunan tersebut digunakan oleh Persatuan Hindu Sabah. Shaik Dada meninggal dunia pada bulan Jun 1947 ketika berumur 41 tahun berdasarkan laporan sijil kematian. Sijil ini dicari oleh Mohd Salleh melalui Jabatan Pendaftaran Negara yang pada asalnya tidak terjumpa kerana beliau mencari menggunakan nama Gulam Meah, Gulamiah atau Gulameah. Beliau menjumpainya setelah mencari dengan menggunakan nama Dada.

Gambar 5: Maklumat kematian Shaik Dada

MSO 650/47	00.2 MR 06/19 800482 40 06/19 1947
Nama Si Mati	Dada Bin-Mi Meah
Umur	41 Tahun
Jantina	Lelaki
Tempat Kematian	73 Patani Road, Pg
Tarikh Kematian	25.6.1947
Tempat Pendaftaran	MaHoO Pg

Sumber: Koleksi penyelidik

Namun begitu, tarikh kematian Shaik Dada pada sijil tersebut (25 Jun 1947) adalah berbeza dengan batu nisan yang dibuat oleh para pelatuhnya (6 Jun 1947). Kubur atau batu nisan ini terletak di Tanah Perkuburan Islam Jalan Perak, George Town. Menurut analisis hasil daripada perbincangan kumpulan berfokus, ada dua teori berkenaan perbezaan tarikh ini berlaku. Teori pertama, mereka lambat melaporkan kepada pihak pendaftaran, maka mereka hanya laporkan pada tarikh kedatangan ke tempat melapor iaitu 25 Jun mungkin disebabkan terlupa tarikh sebenar. Oleh itu menurut teori pertama ini, tarikh 6 Jun kemungkinan tarikh sebenar kematian.

Gambar 6: Batu nisan Shaik Dada



Sumber: Koleksi penyelidik

Teori kedua pula, batu nisan itu pada asalnya tiada sebagaimana kebiasaan keadaan kubur pada hari-hari awal meninggal dunia. Kemudian para murid Shaik Dada menghadiahkan batu nisan tersebut sebagaimana yang tertera pada batu nisan itu, “DI KURNIA OLEH PELATEH²NYA”. Menurut Google, tarikh 25 Jun 1947 Masihi adalah bersamaan dengan 6 Syaaban 1366 Hijrah. Disebabkan pada zaman itu masih ada pengaruh penggunaan kalendar Hijrah, maka berkemungkinan besar para murid Shaik Dada tercampur antara kalendar Hijrah hari “6” (Syaaban) dengan kalendar Masihi iaitu bulan Jun, sehingga timbulnya tarikh 6 Jun 1947 pada batu nisan. Manakala tarikh 6 Jun 1947 dalam kalendar Hijrah ialah 16 Rejab 1366H yang seperti tiada perkaitan dengan 25 Jun jika mereka tercampur kalendar Masihi dan Hijrah.

$$\begin{array}{l} 25 \text{ Jun } 1947 \\ \text{6 Syaaban 1366} \end{array} = \text{6 Jun } 1947 \text{ [Terkeliru]}$$

Selain itu jika diikutkan logik akal, orang awam tidak akan berapa ingat tarikh kematian sebenar seseorang secara tepat. Kebanyakan orang akan merujuk kepada catatan rasmi seperti maklumat daripada jabatan pendaftaran kerana seringkali sesuatu kejadian mati itu dilaporkan secara terus kepada pihak bertanggungjawab pada hari kejadian. Oleh itu berdasarkan hujah-hujah ini, teori kedua lebih tepat iaitu tarikh sebenar kematian Shaik Dada adalah pada 25 Jun 1947. Berdasarkan sijil kematian tersebut juga, maka dapat dikenal pasti tapak asal rumah Shaik Dada iaitu di Jalan Patani no. 73. Rumah yang berada di alamat tersebut kini telah menjadi rumah moden yang mengambil Lot 71 dan 73, berdekatan kilang kuetiau.

Tidak diketahui secara pasti punca kematian Shaik Dada. Ada yang mengatakan urat lehernya terputus ketika melakukan senaman menterbalikkan badan sambil batu digantung pada dagunya. Riwayat tersebut tidak dapat dipastikan kesahihannya. Namun begitu, tidak pelik jika usia kematiannya agak awal iaitu 41 tahun, kerana Shaik Dada ada mengamalkan makjun logam. Makjun tersebut diperbuat daripada jenis logam tertentu, kemudian dihancur sehingga lumat dan dibentuk seperti bebola. Ia ditanam dalam tanah selama beberapa hari dan berasa lembut seperti kuih rapuh jika dimakan. Sebahagian orang mengatakan nama makjun itu ialah “pakan”, tetapi Mohd Salleh mendapati sebenarnya pakan itu merujuk kepada makjun yang lain dan bukannya makjun logam. Mereka yang pernah memakannya mengatakan bahawa mereka mampu bersilat selama lima jam dalam keadaan jantung masih berdegup tenang. Amalan-amalan sebegini mungkin akan menyebabkan metabolisme badan rosak kerana pengambilan serbuk logam.

Pengiktirafan

Setelah Shaik Dada meninggal dunia, tiada pengiktirafan yang diberikan kepada beliau, lebih lagi permainannya tidak tersebar ke serata Malaysia. Murid Shaik Dada iaitu Pak Sahak Kastam menggelarkannya sebagai “Profesor” di surat yang dilampirkan bersama gambar Shaik Dada. Walaupun pengiktirafan ini tidak rasmi, tetapi itulah yang digelar oleh muridnya setelah beliau meninggal dunia. Hal ini demikian kerana silibus silat yang direka oleh Shaik Dada adalah secara saintifik dan dipenuhi dengan istilah anatomi badan dan bercampur antara istilah bahasa Inggeris serta tulisan Jawi.

Pada 1 Rabiulawal 1433H bersamaan 24 Januari 2012, Shaik Dada telah diiktiraf secara rasmi sebagai Pendekar Pulau Pinang. Sijil pengiktirafan tersebut tertera logo Pertubuhan Seni Silat Lincah Malaysia kerana pemberi anugerah tersebut ialah Tan Sri Omdin bin Mauju dengan restu dan disaksikan bersama Tuan Yang Terutama Tun Dato’ Seri Utama (Dr.) Abdul Rahman bin Abbas.

Gambar 7: Sijil Anugerah Pendekar Pulau Pinang



Sumber: Koleksi penyelidik.

Gambar 8: Sijil Anugerah Pendekar Pulau Pinang yang diambil oleh Mohd Salleh, turut hadir ialah Dato' Sri Mohammad Najib Razak



Sumber: Koleksi penyelidik

Kesimpulan

Shaik Dada atau Gulam Meah merupakan tokoh yang tidak banyak dikaji secara akademik, atau boleh dikatakan tiada langsung. Sumbangannya dalam ilmu persilatan hanya diiktiraf pada tahun 2012 setelah 65 tahun beliau meninggal dunia. Artikel nota penyelidikan ini sekadar memacu agar wujudnya kajian-kajian akademik yang lain perihal Shaik Dada atau persilatannya dan juga dan perkembangan aliran-aliran silat yang terbit daripada beliau. Begitu juga terhadap manuskrip beliau yang masih tidak diteroka yang mengandungi ilmu silat,

perubatan tradisional, kata-kata hikmah dan fahaman kebatinan yang perlu dikaji dengan lebih lanjut. Kajian ini juga mendapati bahawa sesebuah kajian mengenai sejarah silat itu perlu dikumpulkan beberapa informan, dan para informan itu tidak digalakkan duduk bersama untuk proses *focus group discussion* kerana ia akan mengakibatkan bias. Kaedah *focus group discussion* hanya dibuat oleh antara para pengkaji bagi menilai riwayat-riwayat yang berselisihan.

Penghargaan

Penghargaan yang selayaknya diberikan kepada Persatuan Kajian Ilmu Silat Malaysia (PEKAJI) yang menyokong dan membantu kajian ini dijalankan. Ribuan terima kasih juga diberikan kepada Mohd Salleh bin Yahya yang banyak menjalankan kajian lapangan mengenai Silat Pelaga atau Siku 12 ini secara tidak formal, maka terbitan artikel ini juga adalah sebagai bentuk penzahiran hasil usaha gigih beliau yang mengumpulkan maklumat dalam tempoh yang lama sebelum kajian PEKAJI bermula lagi.

Rujukan

- Aizan Sofia Amin, Ezarina Zakaria & Norulhuda Sarnon. 2021. "Metod Kajian Kualitatif". Dalam *Penulisan Tesis: Kajian Kualitatif Dan Kuantitatif*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anggita Setiawan Priono. 2022. "Sejarah Pencak Silat IKS PI Kera Sakti Kabupaten Tebo Tahun 1990-2015". *PhD Thesis*, Program Studi Ilmu Sejarah Jurusan Sejarah, Seni dan Arkeologi Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Jambi.
- Asilatul Hanaa Abdullah. 2020. "The impact of World War I on British Malaya: the battle of Penang, 1914". *Jurnal Antarabangsa Kajian Asia Barat*, no. 12: 61-75.
- Buletin Pemenang*, Jun 2023. "Siku 12 Seni Bela Diri Anak Pulau Pinang".
- Han, Lim Peng & Mohd Salleh Aman. 2018. "The Diffusion and Transmission of Football in the Straits Settlements and Malay States, 1874–1899: Early Inter-Settlement Games and Inter-State Competition Among European Clubs and Teams." *The International Journal of the History of Sport* 35, no. 12-13: 1335-1355.
- Hazri Jamil & Mohammad Zohir Ahmad @ Shaari. 2015. *Qualitative Research Methodology*. Pulau Pinang: Institute of Postgraduate Studies Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Amirul Naim bin Rosmi. 26 Julai 2024. "Siku 12, Seni Bela Diri Warisan Tanjung". Dalam *Suara Nadi*, Penang Institute. <https://penanginstitute.org/publications/suara-nadi/siku-12-seni-bela-diri-warisan-tanjung/>
- O. Nyumba, Tobias, Kerrie Wilson, Christina J. Derrick, & Nibedita Mukherjee. 2018. "The use of focus group discussion methodology: Insights from two decades of application in conservation", *Methods in Ecology and evolution* 9, no. 1: 20-32.
- Muhammad Amirul Naim Rosmi. (26 Julai 2024). Siku 12, Seni Bela Diri Warisan Tanjung. *Penang Institute*. Diakses pada 8 April 2025. <https://penanginstitute.org/publications/suara-nadi/siku-12-seni-bela-diri-warisan-tanjung/>
- Platts, John T. 1884. *A Dictionary of Urdu, Classical Hindi and English*. London: Oxford University Press

